

Dr. Mohd Sofi Osman Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Baharu

WB 8.10.2018 AS

KOTA KINABALU: Dato' Dr. Mohd Sofi Osman telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UMS baharu berkuat kuasa pada 1 Oktober 2018 sehingga 30 September 2021.

Pelantikan itu adalah untuk menggantikan Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi yang tamat tempoh perkhidmatan.

Dr. Mohd Sofi memiliki ijazah dalam bidang kejuruteraan dari University of Strathclyde, Scotland dan berpengalaman luas dalam sektor industri serta aktif dalam perkara berkaitan kerjasama institusi pendidikan-industri.

Ketikaini beliau merupakan Pengerah Urusan serta Timbalan Presiden Altera Corporation (M) Sdn Bhd.

Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah MIMOS Semi Conductor (M) Sdn. Bhd. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta sebagai Pengerusi Lembaga



MOHD SOFI

Pengarah UniMAP.

Dalam masa yang sama beberapa tokoh juga telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMS baharu.

Mereka ialah Datuk Haji Hashim Pajjan (Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah), Datin Paduka Ir. Siti Hamisah Tapsir (Pengerah, Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM), Datuk Vincent Pung Yee Kiong (Ketua Pegawai

Eksekutif, Perbadanan Pinjaman Sabah), Datuk Dr. Christina Rundi (Pengerah Kesihatan Negeri Sabah) dan Asgari Mohd Fuad Stephens (Intelligent Capital Sdn. Bhd.)

Warga UMS merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas pelantikan ini dan yakin Dato' Dr. Mohd Sofi dan ahli-ahli LPU mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kecemerlangan UMS di persada nasional dan antarabangsa.

Sementara itu, warga UMS juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi dan mantan Ahli-ahli Lembaga Pengarah iaitu Tan Sri Sukarti Wakiman, Datuk Pengiran Hj. Mohd Hussein Datuk Pengiran Hj. Mohd Tahir Nasruddin, Dato' Prof. Dr. Rujhan Mustafa dan Datuk John Maluda atas khidmat bakti mereka bersama UMS.